

20/07/2001

Sepuluh kategori Melayu mudah lupa

Nasir Osman Abbas

SUDAH berulang kali orang Melayu diingatkan, dinasihati dan dirayu supaya jangan mudah lupa diri dan bersyukur, tetapi hasilnya seperti menuang air di daun keladi dan yang terbaru diulang lagi Presiden Umno yang juga Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Perhimpunan Agung Umno ke-55, di Pusat Dagangan Dunia Putra, baru-baru ini.

Saya rasa terpanggil untuk mengklasifikasikan Melayu yang makan cili tetapi masih tidak terasa pedasnya, antaranya:

- * Melayu yang berpeluang dapat apa jua permit 'menggadaikannya' kepada orang atau bangsa lain;

- * Dapat lesen apa saja, termasuk gerai juga dipajakkan kepada orang lain;

- * Dapat kemewahan diperagakan dengan penuh ego;

- * Dapat jawatan dalam parti sudah mula 'hidung tinggi', lupa pada yang menyokong;

- * Dapat jadi pengerusi dan pengarah syarikat lupa mahu menolong dan berbakti kepada bangsa sendiri;

- * Dapat bintang dan anugerah ada yang marah atau tidak mahu menyahut panggilan rakan yang tidak memanggil Tan Sri atau Datuk dan cara hidup mula diubah walaupun hidup berhutang, bak kata pepatah, biar papa asal bergaya;

- * Pasang lencana Tan Sri, Datuk dan JP di depan, belakang kenderaan supaya orang tahu bahawa kita adalah Tan Sri, Datuk dan JP;

- * Setiap minggu, malah ada yang setiap hari bersarapan pagi, makan tengah hari dan malam di hotel lima bintang dengan helai ketawa yang dibuat-buat untuk menarik perhatian orang ramai;

- * Yang paling malang dan menjolok mata setiap minggu menjadi 'penghuni' kelab lumba kuda dan kasino di Genting Highlands; dan

- * Berhibur di kelab malam yang terkemuka dan pub serta karaoke dengan dikelilingi 'bidadari' malam yang seksi dan menawan.

Apabila sampai pada peringkat ini mereka bukan saja tergolong dalam kategori 'Melayu mudah lupa', malah mereka sudah lupa segala-galanya, termasuk rumah tangga dan anak.

Kalau yang dilupa dan dijoli sakan hasil daripada usaha sendiri tidak apa juga, tetapi sayangnya semua hasil daripada menyalahgunakan kemudahan dan peluang yang dihidangkan kerajaan.

Nasihat dan ingatan ikhlas ini janganlah disalah tafsir dan mudah melenting. Apa yang harus dilakukan ialah cermin diri dan jangan mudah lupa diri dari mana kita datang dan ke mana kita hendak pergi. Ingatlah kalau sudah sampai ke langit, jangan lupa bumi tempat kita berpijak.

Memang boleh diakui bahawa Melayu tak akan hilang di dunia, tetapi yang dikhuatirkan nanti ialah yang tinggal dan yang tidak akan hilang itu Melayu jenis apa? Adakah antara yang tidak akan hilang itu anak Melayu yang majoritinya penagih dadah, penghuni pusat serenti, yang telah layu dan terkulai dan penghidap HIV yang hanya menunggu hari matinya.

Orang Melayu melalui pengalaman penulis memang ketinggalan dari segi pelajaran, ekonomi dan budi pekerti. Hendaknya kita janganlah dijauhkan lagi jarak ketinggalan ini dan perbaikilah kelemahan ini.

Dari segi adab sopan dan budi bahasa pun ramai orang Melayu sudah jauh lari dari landasan. Umpamanya. ibu bapa dan orang tua sudah tidak lagi dihormati dan mudah lupa budi baik orang, hasad dan dengkinya semakin menjadi.

Tamak haloba, suka memijak kepala orang lain, memfitnah dan cemburu semakin menebal pada kebanyakan jiwa orang Melayu dan gejala ini jika diteruskan ia akan menghilangkan Melayu di dunia.

Orang Melayu nanti akan hidup dalam keadaan daif atau seperti kata bidalan `kalau ada yang masak dituai dan yang menitik ditampung' samalah ertinya dengan `kais pagi makan pagi, kais petang makan petang'.